



**TEKS UCAPAN**  
**YANG BERUSAHA DR. SAADIAH HAJI ABDUL SAMAT**  
**PENGARAH DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA**  
**PERTANDINGAN PIDATO BERSEMPENA PESTA KUCHING 2015**  
**AUDITORIUM DBKU, IBU PEJABAT DBKU**  
**30 JULAI 2015 (KHAMIS)**

---

Terima Kasih Pengerusi Majlis

Bismillahirrahmanirrahim.....

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.....

Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia....

Yang Berusaha Tuan Haji Awang Hambali Bin Haji Awang Hamdan  
Pengarah, Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang

Yang Berusaha Dr. Hazami Jahari  
Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Pegawai-pegawai Kanan DBKU

Barisan hakim yang arif

Para pensyarah dan mahasiswa

Rakan-rakan media dan

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Allah SWT di atas limpah rahmat dan izin Nya kita dapat bersama-sama hadir pada malam ini ke Majlis Perasmian Pertandingan Pidato Bersempena Pesta Kuching 2015 antara Institut Pengajian Tinggi.

Pertama sekali, bagi pihak Dewan Bandaraya Kuching Utara saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Pertandingan Pidato Bersempena Pesta Kuching 2015 yang bertemakan "**Perpaduan**". Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada para peserta daripada Institut Pengajian Tinggi Awam dan juga Swasta di atas penyertaan anda dalam pertandingan pidato yang telah kami adakan ini.

Pastinya program seumpama ini merupakan salah satu langkah penting dalam usaha untuk membudayakan perpaduan di kalangan warga Bandaraya Kuching, khususnya dan di Malaysia amnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Untuk makluman, tanggal 1 Ogos 2015 merupakan tarikh Sambutan Hari Bandaraya Kuching yang ke-27. Semasa sambutan itu nanti Bandaraya Kuching akan diisyitiharkan sebagai "**Bandaraya Perpaduan**" oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak. Pengisytiharaan ini merupakan pengiktirafan yang julung kalinya diterima oleh sebuah bandar raya dan Bandaraya Kuching telah mendapat penghormatan untuk diisyitiharkan sebagai Bandaraya Perpaduan oleh Yayasan 1Malaysia (*1Malaysia Foundation*).

Pemilihan Bandaraya Kuching sebagai Bandaraya Perpaduan adalah berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Yayasan 1Malaysia diseluruh bandar raya di dalam Malaysia dan Alhamdulillah, dengan rasa bangganya Bandaraya Kuching telah mengungguli dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan untuk menjadi sebuah Bandaraya Perpaduan.

Untuk pengetahuan warga kerja juga, faktor paling utama penyumbang kepada mengapa Bandaraya Kuching dipilih sebagai Bandaraya Perpaduan adalah, Bandaraya Kuching dihuni oleh warga kota yang terdiri daripada berbilang kaum, agama dan budaya. Di samping itu, Bandaraya Kuching juga didiami oleh kaum etnik yang paling banyak, hidup dalam keadaan aman, damai dan harmoni jika dibandingkan dengan bandar raya lain di seluruh Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sesungguhnya perpaduan di kalangan masyarakat yang berbilang kaum adalah amat penting dalam menjamin keharmonian negara. Di Bandaraya Kuching ini, kita amat bertuah kerana hidup dalam keadaan yang aman, damai serta harmoni. Ini adalah disebabkan oleh warga kotanya yang mampu untuk bertolak ansur serta bertoleransi dengan kaum yang lain.

Justeru itu, kita seharusnya bersyukur dengan keamanan dan keharmonian di mana kita boleh duduk bersama serta berbincang tanpa ada rasa perbezaan antara satu sama lain. Persefahaman yang telah berjaya dicapai ini perlu dikekalkan supaya tiada perasaan curiga antara kaum kerana ia akan menjelaskan serta merosakkan semangat kejiranan yang telah terjalin sejak sekian lama.

Usaha untuk meningkatkan dan mengekalkan perpaduan di kalangan masyarakat sememangnya amat penting dan ianya merupakan agenda jangka masa panjang yang memerlukan komitmen dan sokongan yang padu daripada pelbagai pihak. Tidak terhenti setakat itu sahaja, usaha ini bukanlah tanggungjawab satu pihak sahaja dan setiap seorang daripada kita semua juga perlu memainkan peranan dalam menyebarluaskan pelbagai informasi berkenaan dengan perpaduan di kalangan pelbagai masyarakat di negara Malaysia.

Oleh itu, sebagai sebuah entiti yang prihatin dengan kesejahteraan warga kotanya kami di Dewan Bandaraya Kuching Utara akan sentiasa mencari ruang dan peluang yang terbaik dalam usaha untuk memantapkan lagi perpaduan di kalangan warga kota di Bandaraya Kuching ini.

Diharap perpaduan kaum di kalangan kita akan kekal utuh selamanya. Kerana dengan adanya perpaduan yang utuh secara tidak langsung ianya mampu untuk memangkin kehidupan warga kota yang lebih berkualiti.

Tuan-tuan dan Puan-Puan,

Sebelum mengundur diri, pada kesempatan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penganjuran Pertandingan Pidato Bersempena Pesta Kuching 2015. Semoga usaha murni ini aka dapat menyemarakkan serta memantapkan lagi semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Sekian.....

Wabillahi taufik Walhidayah.....

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh...